

PM tuntutan komitmen padu

BH - 16/2/2008

Kabinet baru diarah bekerja satu pasukan jayakan program untuk rakyat

Oleh Rohaniza Idris, Azrina Ahzan dan Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam meminta anggota baru pentadbirannya memberi komitmen padu bagi menjayakan semua program yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Perdana Menteri menekankan perkara itu ketika mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri di sini semalam, sehari selepas beliau mengumumkan rombakan Kabinet yang menyaksikan pelantikan beberapa anggota baru.

Beberapa menteri berkata, dalam mesyuarat semalam, Abdullah yang

“Perdana Menteri mengeluarkan arahan supaya barisan Kabinet baru melaksanakan sepenuhnya program yang dirancang dalam RMK-9”

Muhyiddin Yassin
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

juga Menteri Kewangan mengingatkan semua anggota Kabinet bekerja sebagai satu pasukan dan membantunya memastikan rancangan lima tahun itu berjalan lancar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Perdana Menteri turut menjelaskan pelantikan muka baru dan pertukaran portfolio menteri bertujuan memantapkan lagi pasukan untuk menjalankan RMK-9.

“Perdana Menteri meletakkan sasaran yang tinggi untuk lima tahun akan datang,” katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan Ekspo Pertanian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu kota, semalam.

Pelan dan bajet RMK-9 itu yang akan dilancarkan 31 Mac ini, menyediakan garis panduan bagi memacu pembangunan ekonomi negara ke tahap lebih tinggi untuk tempoh lima tahun akan datang.

Rombakan Kabinet yang diumumkan Abdullah kelmarin, menyaksikan lapan kementerian bertukar kepimpinan tetapi hanya dua menteri digugurkan, manakala dua lagi berundur. Mengisi kekosongan itu ialah dua bekas menteri dan dua timbalan menteri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, yang memulakan tugas barunya semalam berkata, Abdullah menekankan jika semua projek RMK-9 dilaksanakan

dengan jayanya, ia membantu Malaysia mencapai wawasan menjadi negara maju menjelang 2020.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khalid Nordin, berkata Perdana Menteri menekankan sejauh mana perlunya usaha diambil bagi menterjemah dan melaksanakan apa yang digariskan dalam RMK-9.

“Itulah yang akan ditekankan Perdana Menteri. Saya sendiri akan memberi sepenuh komitmen dan perhatian kepada usaha menjayakan RMK-9.

“Kalau tidak, kita hanya panaskan kerusi. Memanglah tujuan kita di-

Kejayaan RMK-9 diutamakan

DARI MUKA 1

lantik untuk penuhi tanggungjawab, yang akhirnya membantu kedudukan Perdana Menteri," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata Abdullah amat menekankan kejayaan RMK-9 kerana ia adalah rancangan Malaysia pertama di bawah pentadbirannya sebagai Perdana Menteri.

"Perdana Menteri memberitahu beliau memilih kami (barisan baru Kabinet) bagi membantunya memastikan RMK-9 dijayakan sepenuhnya. RMK-9 amat penting kepada beliau kerana ia adalah yang pertama baginya," katanya.

Menteri Perusahaan Peladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, berkata Abdullah pada mesyuarat itu mahukan semua pihak bekerja sebagai satu pasukan demi menjayakan RMK-9.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, pula berkata Abdullah mahu semua menteri mengerah tenaga memastikan segala keperluan rakyat dapat dipenuhi dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya.

Fong berkata, mesyuarat yang dihadiri semua menteri kecuali yang tidak disenaraikan semula dalam rombongan kelmarin, turut menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada empat menteri yang digugurkan atau meletakkan jawatan.